

<https://www.sinchew.com.my/news/20240206/nation/5376234>

Liputan Eksklusif : Abu Tariq : Jika penuh dengan kekayaan tetapi tidak dilaporkan dengan tepat, HASiL akan meningkatkan penguatkuasaan dalam “menangkap ikan”

6 Februari 2024, Cyberjaya: YBhg. Datuk Abu Tariq bin Jamaluddin sebagai KPE HASiL yang baharu berhasrat untuk menumpukan kepada “ikan besar” tahun ini dengan menguatkasakan pemantauan terhadap individu dan syarikat yang mendapat keuntungan tetapi tidak melaporkannya dengan tepat.

Beliau yang baru menjawat jawatan pada pertengahan Disember tahun lalu, ketika diwawancara oleh Sin Chew Daily menyatakan bahawa matlamat utama tahun ini adalah menangani isu pengelakan cukai secara besar-besaran oleh individu dan syarikat.

Selaras dengan penekanan yang berterusan daripada Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri bahawa ketirisan cukai perlu ditangani dengan tegas.

Beliau berkata, Jika seseorang itu mempunyai gaya hidup mewah tetapi kekayaan tidak sepadan dengan pendapatan dilaporkan, mereka akan disiasat.

Kami akan menyiasat aset yang dimiliki oleh golongan berpendapatan tinggi untuk memastikan keserasian dengan maklumat yang mereka telah laporkan.

Apabila ditanya sama ada melibatkan tokoh terkenal atau ahli politik, beliau menyatakan bahawa ini termasuk individu dari pelbagai bidang.

Kami akan menyemak aset dan pendapatan yang mereka miliki, bukan bereti kami tidak pernah melakukannya sebelum ini, tetapi kini kami ingin meningkatkan tindakan dan memberi tumpuan lebih kepada kumpulan ini.

Beliau menunjukkan bahawa syarikat yang melakukan ‘perancangan cukai’ terlebih tuntut atau terkurang lapor juga menjadi sasaran HASiL.

Sama ada syarikat tempatan atau pelaburan asing, selagi melibatkan jumlah cukai yang besar, syarikat-syarikat tersebut adalah sasaran yang kami fokuskan.

“Ikan kecil” menumpukan kepada pendidikan cukai.

Pendidikan cukai akan diberikan kepada “ikan kecil” supaya dapat membantu meningkatkan tahap pematuhan cukai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pada 8 Januari, sekiranya badan penguatkuasaan mempunyai bukti salah laku rasuah dan penyelewengan – pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas. “Tindakan itu diambil terhadap tokoh-tokoh besar, ia menjadi kontroversi, tokoh-tokoh ini punya dana besar, punya pengaruh, punya media sosial dan tentunya akan mencabar kekuatan yang ada.

Mengumpul maklumat berdasarkan maklumat risikan.

Tidak akan menyiasat dengan “sengaja”

Tahun ini boleh dijangka akan terdapat “kes besar” Abu Tariq menyatakan : “Ada”.

Beliau menekankan bahawa HASiL mengambil tindakan ke atas individu dan syarikat yang berkaitan hanya setelah menganalisis maklumat risikan, maklumat yang dikumpul dan maklumat pihak ketiga.

Kami tidak akan sengaja menyiasat mereka tetapi akan mengambil tindakan setelah memperolehi maklumat risikan, data dari pihak ketiga berserta maklumat dalaman.

Beliau menegaskan bahawa HASiL akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menjalankan tugas.

Apabila agensi penguatkuasaan lain mengambil tindakan dan mendapati isu pengelakan cukai, mereka akan menyerahkan kepada kami untuk diproses.

Mengenai sama ada tokoh besar akan diambil tindakan, beliau menyatakan bahawa mengikut seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menyatakan bahawa HASiL tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat percukaian dan tindakan yang telah diambil ke atas pembayar cukai.

Maklumat pembayar cukai hanya boleh didedahkan sekiranya pendakwaan telah dimulakan di mana-mana mahkamah, hanya masa itu orang awam akan mengetahui identiti mereka.

Kami juga tidak akan secara sewenang-wenangnya mengumumkan pembekuan harta A, B, C atau mendedahkan maklumat mereka.

Kurangkan pengelakan cukai, tingkatkan ketelusan dan percepatkan perkhidmatan.

Tiga fokus utama tahun ini

Abu Tariq telah berkhidmat di HASiL selama 29 tahun dan megambil alih jawatan KPE HASiL pada 18 Disember tahun lalu, Sin Chew Daily merupakan media pertama yang mewawancara beliau.

Beliau sebelum ini berkhidmat di dalam bidang berkaitan undang-undang, dan beliau mengakui bahawa mengambil tanggungjawab sebagai KPE HASiL membawa lebih banyak tanggungjawab, walaupun beliau menyatakan tidak merasakan tekanan.

“Setelah begitu lama di sini, akhirnya tidak merasakan tekanan.”

Beliau menyatakan bahawa tiga fokus utama yang dirancang untuk tahun ini adalah memastikan pengurangan pengelakan cukai, meningkatkan ketelusan dan mempercepatkan penyediaan perkhidmatan.

Dalam meningkatkan ketelusan, beliau mencadangkan peningkatan dalam penerangan kepada pembayar cukai, penerbitan panduan, dan langkah-langkah lain untuk memastikan pemahaman yang lebis jelas oleh pembayar cukai.

Beliau mula berkhidmat di HASiL pada Mac 1995 dan memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB. Hons) daripada Universiti Malaya dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang percukaian langsung merangkumi perundungan dan pematuhan cukai. YBhg. Datuk Abu Tariq bin Jamaluddin juga pernah memegang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) dan Pengarah Jabatan Undang-Undang.